

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IX)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

10. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan inisiatif dan insentif kepada golongan Ibu Tunggal dalam membantu mereka untuk menjana pendapatan sendiri.

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri menyediakan inisiatif dan insentif kepada golongan Ibu Tunggal seperti berikut dalam membantu untuk menjana pendapatan sendiri:

(a) Projek Eko-Kraf

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) memberikan latihan kemahiran membuat kraftangan.

(b) Latihan kemahiran pemasaran konvensional dan pengurusan kewangan

Kerajaan Negeri melalui PWDC mengadakan bengkel pembinaan kapasiti dalam program e-Rezeki, e-Dagang dan program pemasaran melalui media sosial dan laman web.

(c) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menyediakan skim pinjaman ini kepada penjaja dan peniaga kecil. Pinjaman ini disalurkan tanpa

cagaran dan penjamin dengan pinjaman antara RM1,000.00 sehingga maksimum RM25,000.00.

(d) Tabung Usahawan Tani (TUT)

TUT diwujudkan untuk memberikan dorongan kepada petani, penternak dan nelayan yang berumur 18 hingga 60 tahun untuk mejadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya yang berpotensi menjana punca pendapatan yang lumayan.

(e) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)

Program ini adalah untuk peniaga kecil sepenuh masa yang menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan RM3,000.00 sebulan. Bantuan ini diberikan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada bagi memperolehi hasil yang lebih lumayan.

(f) Bantuan Kebajikan kepada Golongan Ibu Tunggal

Golongan ibu tunggal yang layak boleh menerima bantuan kebajikan seperti berikut:

(i) Bantuan Ibu Tunggal di bawah Program iSejahtera

Golongan ibu tunggal yang layak akan menerima RM100 setiap tahun.

(ii) Bantuan Am

Bantuan Am minimum RM220.00 dan maksimum RM770.00 berdasarkan bilangan tanggungan dan pendapatan berkapita

(iii) Bantuan Kanak-Kanak

Bantuan kanak-kanak minimum RM100.00 dan maksimum RM450.00 berdasarkan bilangan anak.

(iv) Elaun Pekerja Cacat

Ibu tunggal daripada golongan kurang berupaya yang berkerja dan mempunyai pendapatan kurang RM1,200.00 layak menerima RM400.00.